

18 JAN 1999

Hari Raya-Terbuka

RUMAH TERBUKA DR MAHATHIR HARI RAYA PERTAMA

KUALA LUMPUR, 18 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengadakan rumah terbuka sempena Aidilfitri di kediaman rasminya. Sri Perdana di sini pada Hari Raya pertama esok.

Menurut kenyataan pejabat Perdana Menteri, ia akan berlangsung antara 10 pagi dan 12.30 tengah hari dan 2.30 petang hingga 6 petang.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pula akan mengadakan majlis rumah terbuka di Pusat Dagangan Dunia Putra antara 2 petang dan 5 petang esok.

Di KLANG, Sultan of Selangor akan mengadakan rumah terbuka dari 10 pagi hingga 1 tengah hari di Istana Bukit Kayangan, Shah Alam esok.

Sultan dan Tengku Permaisuri Siti Aishah akan menunaikan solat Aidilfitri di Masjid Negeri di Shah Alam.

Menteri Besar Datuk Abu Hassan Omar akan mengadakan rumah terbuka di kediaman rasminya di Bukit Megawati Shah Alam antara 11 pagi dan 5 petang esok.

Abu Hassan juga akan mengadakan rumah terbuka di Bangunan Umno Kuala Selangor dari tengah hari hingga 4 petang pada 23 Jan.

Di IPOH, Menteri Besar Tan Sri Ramli Ngah Talib akan mengadakan rumah terbuka di kediaman rasminya di Jalan Raja Dihilir dari 11.30 pagi hingga 2 petang esok.

Beliau akan mengadakan majlis serupa di Rumah Kutai, Pasir Salak pada 11.30 pagi pada hari raya kedua.

Di JOHOR BAHRU, Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman akan mengadakan rumah terbuka di kediaman rasminya dari 9 pagi hingga 1 tengah hari esok dan di No 70 Jalan Raja, Sungai Mati, Muar, pada hari raya ketiga dari 9 pagi hingga 2 petang.

Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin akan mengadakan rumah terbuka pada hari raya kedua di No. 5 Jalan Timbalan, Muar, dari 9 pagi hingga 2 petang.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar akan mengadakan rumah terbuka pada 31 Jan di kediamannya di Jalan Lombong, Kampung Jawa, Kota Tinggi, dari 11 pagi hingga 6 petang.

Di ALOR SETAR, Sultan Kedah akan mengadakan rumah terbuka di Istana Anak Bukit dari 10 pagi hingga 1 tengah hari.

Baginda akan menunaikan solat Aidilfitri di Masjid Zahir dan menziarah Makam Diraja di Langgar pada 4.15 petang.

Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid akan menerima tetamu di kediaman rasminya Mentaloon di Anak Bukit esok dari 11 pagi hingga 1 tengah hari.

Di KUCHING, Yang Dipertua Negeri Tun Dr Ahmad Zaidi Adruce dan Toh Puan Rosmiati akan mengadakan rumah terbuka di Astana di sini esok dan lusa.

Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud dan Puan Sri Laila Taib akan juga mengadakan rumah terbuka pada kedua-dua hari di Demak Jaya.

Menteri Pertahanan Datuk Abang Abu Bakar Mustapha akan mengadakan rumah terbuka selama tiga hari di kediamannya di Tinggian Demak, Petra Jaya antara 10.30 pagi 5.30 petang.

Menteri Pertanian Datuk Amar Dr Sulaiman Daud akan mengadakan rumah terbuka esok dan lusa di kediamannya di No. 10 Jalan Haji Kassan.

Di KUALA TERENGGANU, Sultan Tengku Mizan Zainal Abidin Mahmud akan mengadakan rumah terbuka di Istana Maziah dari 10 pagi hingga 10.30 malam.

Baginda akan bersolat Aidilfitri di Masjid Al-Muktafibilillah Shah.

Menteri Besar Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad akan mengadakan rumah terbuka di sini dan di Kemaman manakala Ketua Penerangan Umno Datuk Dr Yusof Nor akan mengadakan rumah terbuka di kediamannya di Besut.

-- BERNAMA

TM MAI